



■ AZAM HAJI ABBAS...mahu buktikan

KEJUARAAN SILAT DUNIA—

Azam berazam rangkul pingat 27 OCT 1987

PEMENANG pingat gangsa Kelas H Sukan SEA Jakarta, Azam Haji Abbas, bertambah yakin dapat mengubah kutipan pingat lebih baik dalam Kejoharan Silat Dunia di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember ini, lapor MOHD RAHIME YUSOFF.

Pinchuk Jumat

"Kelemahan mental ketika di Jakarta sudah dapat diatasi dan bertambah yakin untuk kejohanan antarabangsa kali ini," katanya.

Beliau menganggap tekanan psikologi yang menganggu penumpuan ketika berdepan dengan pesilat Indonesia peringkat separuh akhir sukan itu selesa mengetahui dia adalah yang terbaik dalam kejohanan dunia lalu.

"Saya gementar apabila mengetahui perkara itu. Keadaan itu membuatkan setiap gerakan menjadi sumbang dan tewas dalam kegugupan," terangnya.

B. Harian (M)

Kerani Sekolah Kebangsaan Kebakat, Tumpat itu berkata: "Saya dapat menjadikan pengalaman pertama bertanding peringkat antarabangsa itu untuk membaiki kelemahan terutama mental."

Azam, 26, menjalani latihan tiga kali seminggu di gelanggang silat Terlak Empat Kota Bharu menambah bahawa bimbingan gurunya, Mohd Noor Mahmud sebagai persiapan awal menjelang kejohanan dunia itu.

Katanya, dorongan daripada guru dan rakan-rakan menguatkan lagi semangat untuk meraih kejayaan lebih besar nanti.

"Saya tidak mahu lagi mengenali erti kegalahan dalam kejohanan besar ini walaupun mengetahui setiap pesilat yang terbabit semuanya idamkan pingat emas," ujar pembantu jurulatih silat Terlak Empat.

Beliau sudah lima tahun mendalam ilmu bela diri itu dipilih mewakili negara selepas menjuarai Kelas H dalam Kejohanan Kebangsaan di Kuala Terengganu Disember lalu.

"Saya lebih yakin kali ini. Tetapi bimbangkan kecederaan kerana ia boleh menghalang persembahan yang baik," jelasnya.

Azam akan mengikuti latihan pusat kebangsaan 10 November ini, bimbangan jurulatih, Mohd Sani Murni, Yusof Darus dan Johari Ibrahim.

Katanya, mungkin banyak perubahan disegi teknik dan taktik dalam latihan pusat nanti berikutkan pemilihan jurulatih baru itu.

Bagaimanapun, pesilat itu sudah lebih bersedia bagi memastikan pingat untuk negara.

Pesaka diminta selaraskan semua kejohanan silat 27 OCT 1987

B. Harian (M)

MENTERI Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, mencadangkan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) menyelaraskan semua kejohanan silat supaya mengikut peraturan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Pinchuk Jumat

"Sebagai badan yang diikiraf oleh Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat), Pesaka perlu bekerja keras meninggikan lagi mutu sukan itu.

"Masih banyak lagi kejohanan yang dianjur oleh badan-badan silat tidak mengikut peraturan seperti ditetapkan dan ini mendatangkan kesan negatif kepada pesilat," kata Datuk Sabbaruddin di Kota Bharu baru-baru ini.

Beliau berharap Pesaka perlu bergerak lebih cergas dan tidak hanya mengikut musim tertentu sahaja.

Sementara itu, *Harian Sukan* difahamkan Kejohanan Silat Kebangsaan dan Jemputan ASEAN anjuran Persatuan Seni Silat Terlak Empat Kelantan dengan kerjasama Biro Sukan Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Kota Bharu baru-baru ini diluar pengetahuan Pesaka.

Menteri itu kecewa kerana masih banyak kejohanan silat tidak mengikut peraturan sedangkan semua itu sudah diiktirafkan di peringkat antarabangsa.

"Ada kejohanan itu tidak mengikut berat badan bagi mengkelaskan pesilat-pesilat sebaliknya dijadikan pengalaman dan tali pinggang untuk mengkelaskan setiap pesilat itu," katanya.

Dalam soal ini jelasnya, memang menjadi tugas Pesaka menjelaskan peraturan kepada semua pertubuhan silat yang berminal menyertainya.